



BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN
(MEDICAL DEVELOPMENT DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI
50590 KUALA LUMPUR.

Telefon : 2985077
Kawat : MINHEALTH, KUALA LUMPUR
Telex : MA 28109
Fax : 03 - 2883678 / 2942251

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Bil. ¹⁶ Tarikh: dlm. KKM-87
(P13/218) Bhg. 4

22 Februari 2001

Pengarah Kesihatan Negeri _____

Pengarah Hospital Kuala Lumpur / Selayang / Putrajaya

Yg. Bhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

Perpustakaan Ibu Pejabat
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur

**SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL. 4 /2001**

**GARISPANDUAN PENGAMBILAN PAKAR SWASTA
UNTUK BERKHIDMAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN**

1. **Tujuan**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai garis panduan pengambilan Pakar Swasta untuk berkhidmat di hospital kerajaan. Garis panduan ini adalah pindaan kepada garis panduan yang telah diedarkan pada Ogos 1992.

2. **Latar Belakang**

2.1 Masaalah kekurangan Pegamal Perubatan terutamanya Pakar-Pakar yang berterusan boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan kepada pesakit. Begitu juga dengan pelaksanaan program sarjana di Universiti-Universiti di mana ianya boleh menyebabkan program-program tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan.

2.2 Satu strategi yang dilaksanakan bagi menangani masalah ini adalah dengan menggunakan (utilise) sumber manusia di sektor swasta di mana lebih dari 50% daripada Pengamal Perubatan berada di sektor tersebut. Di bawah peraturan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membenarkan Pakar Swasta untuk berkhidmat di hospital kerajaan. Perkhidmatan ini telahpun dimulakan dengan pengambilan Pakar Bius Swasta sejak tahun 1985 dan sehingga kini ianya telah diperluaskan lagi bagi meliputi bidang-bidang lain mengikut keperluan dan "availability".

2.3 Bersama-sama ini disertakan "**GARISPANDUAN PENGAMBILAN PAKAR SWASTA UNTUK BERKHIDMAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN**" yang baru bagi membantu pihak negeri melaksanakan proses pengambilan Pakar -Pakar Swasta untuk rujukan / panduan Y. Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan / Puan.

2.5 Melalui garispanduan yang baru ini proses pengambilan boleh dilaksanakan di peringkat negeri dan surat perjanjian ditandatangani diantara Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Swasta.

3. Tindakan

Bagi memastikan proses ini berjalan lancar, beberapa tindakan perlu diambil oleh Pengarah Hospital dan Pengarah Kesihatan Negeri.

- Pengarah Hospital

Pengarah Hospital bertanggungjawab untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Pakar Swasta Peringkat Hospital (Medical Advisory Committee).

- Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Pakar Swasta

- 2.2 Satu strategi yang dilaksanakan bagi menangani masalah ini adalah dengan menggunakan (utilise) sumber manusia di sektor swasta di mana lebih dari 50% daripada Pengamal Perubatan berada di sektor tersebut. Di bawah peraturan ini, Kementerian Kesihatan Malaysia telah membenarkan Pakar Swasta untuk berkhidmat di hospital kerajaan. Perkhidmatan ini telahpun dimulakan dengan pengambilan Pakar Bius Swasta sejak tahun 1985 dan sehingga kini ianya telah diperluaskan lagi bagi meliputi bidang-bidang lain mengikut keperluan dan "availability".
- 2.3 Bersama-sama ini disertakan "**GARISPANDUAN PENGAMBILAN PAKAR SWASTA UNTUK BERKHIDMAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN**" yang baru bagi membantu pihak negeri melaksanakan proses pengambilan Pakar -Pakar Swasta untuk rujukan / panduan Y. Bhg. Dato'/ Datin/ Tuan / Puan.
- 2.5 Melalui garis panduan yang baru ini proses pengambilan boleh dilaksanakan di peringkat negeri dan surat perjanjian ditandatangani diantara Pengarah Kesihatan Negeri dan Pegawai Swasta.

3. Tindakan

Bagi memastikan proses ini berjalan lancar, beberapa tindakan perlu diambil oleh Pengarah Hospital dan Pengarah Kesihatan Negeri.

- Pengarah Hospital

Pengarah Hospital bertanggungjawab untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Pakar Swasta Peringkat Hospital (Medical Advisory Committee).

- Pengarah Kesihatan Negeri

Pengarah Kesihatan Negeri bertanggungjawab untuk menubuhkan Jawatankuasa Pengambilan Pakar Swasta

Peringkat Negeri seperti yang tersenarai di dalam garis panduan.

4. Pertanyaan

4.1 Sila ambil perhatian bahawa jika ada sebarang pertanyaan sila kemukakannya kepada :

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari,
50590 KUALA LUMPUR


5. Tarikh Kuatkuasa

5.1 Perlaksanaan Pekeliling ini adalah berkuatkuasa sertamerta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATU DR. MOHAMAD TAHA BIN ARIF)
Ketua Pengarah Kesihatan,
Malaysia

SURAT PEKELILING
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
BIL 4 / 2001

**GARISPANDUAN
PENGAMBILAN PAKAR SWASTA UNTUK
BERKHIDMAT
DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN**

Unit Kerjaya Professional
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
20 Februari 2001

GARISPANDUAN PENGAMBILAN PAKAR SWASTA UNTUK BERKHIDMAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN

1. Tujuan

- 1.1 Kertas ini bertujuan untuk memberi penjelasan mengenai garispanduan pengambilan Pakar Swasta untuk berkhidmat di hospital-hospital kerajaan.
- 1.2 Pengambilan Pakar Swasta perlu dilakukan dengan teratur, mematuhi kriteria tertentu serta mempunyai sistem pemantauan yang efisien memandangkan pengambilan mereka untuk berkhidmat di hospital kerajaan melibatkan kos kepada kerajaan. Sehubungan dengan itu, garispanduan sediaada iaitu ***Garispanduan Pengambilan Pakar Swasta Untuk Berkhidmat Di Hospital Kerajaan Secara Sessional*** yang mana telah diedarkan pada tahun 1992 dikaji semula serta dikemaskinikan.
- 1.3 Ia juga adalah susulan dari kajian semula cadangan dasar perolehan perkhidmatan perubatan swasta oleh hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah dibentangkan kepada Jawatankuasa Perolehan Perkhidmatan Perubatan Swasta pada tahun 2000.

2. Pendahuluan

- 2.1 Pelaksanaan perolehan perkhidmatan perubatan swasta telah dimulakan sejak tahun 1985 dan ianya adalah selaras dengan Dasar Pensyarikatan Malaysia di mana pihak swasta dan kerajaan sentiasa digalakkan menjalin kerjasama dalam pelbagai bidang bagi memajukan negara.
- 2.2 Ianya juga telah dapat membantu dalam mengatasi masalah kekurangan Pegawai Pakar di hospital-hospital kerajaan.

3. Jenis Pengambilan

3.1 Pakar-Pakar swasta boleh berkhidmat di hospital-hospital kerajaan secara:-

3.1.1 Pengambilan Secara Sessional

3.1.2 Pengambilan Secara "Honorarium"

3.1.1 Pengambilan Secara Sessional

- Bagi perkhidmatan ini mereka ***diberi bayaran mengikut kadar bayaran yang ditetapkan.***
- Perkhidmatan yang diberikan adalah ***tidak melebihi dari 10 jam seminggu.***
- Selain dari tugas berjadual, mereka juga boleh dipanggil jika ada kes-kes kecemasan pada dan selepas waktu pejabat.
- Mereka boleh diminta untuk menjalankan tugas ganti sekiranya Pakar Kementerian Kesihatan Malaysia bercuti, bertugas di luar pejabat dan lain-lain. Untuk tugas ini, mereka ***tidak boleh menjalaninya lebih dari 5 hari berturut-turut.***
- Perkara-perkara di atas perlu dinyatakan dengan jelas di dalam "scope of work" yang dipersetujui.

3.1.2 Pengambilan Secara "Honorarium"

- Bagi Pakar yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sebagai Pakar Kehormat (Honorary Consultant) berdasarkan kepakaran masing-masing.

3.2 Bagi kedua-dua cara di atas, ***surat perjanjian perlu ditandatangani*** diantara Pengarah Kesihatan Negeri yang terlibat dan Pakar Swasta.

4. Kadar Bayaran

4.1 Kadar bayaran bagi pengambilan Pakar Swasta secara **sessional** adalah mengikut kadar bayaran yang ditetapkan iaitu:-

4.1.1 **Perkhidmatan Perubatan** - **RM 100.00 sejam**

4.1.2 **Perkhidmatan Bedah** - **RM 120.00 sejam**

(kelulusan dari Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan KK/BP 09/547/1lid. 4(36) bertarikh 3 Mei 2000)

4.1.3 Bagi Pakar Swasta yang menjalankan tugas ganti, "scope of work" perlu dinyatakan dengan jelas dan dibayar atas kadar yang sama.

4.2 Bagi pengambilan Pakar Swasta secara "**honorarium**", **sejumlah RM 3000.00 setahun** akan dibayar sebagai penghargaan.

5. Kelayakan Dan Syarat Perkhidmatan

5.1 Pakar-Pakar Swasta yang ingin berkhidmat di hospital kerajaan perlu memenuhi syarat-syarat berikut :

5.1.1 Had umur tidak melebihi 65 tahun.

5.1.2 Mempunyai ijazah MBBS, MD atau setaraf dengannya yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia.

5.1.3 Mempunyai ijazah kepakaran di bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

5.1.4 Telah diwarta atau diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau oleh badan-badan yang setaraf dengannya (seperti Universiti).

5.1.5 Telah berkhidmat dengan kerajaan atau Universiti sekurang-kurangnya 5 tahun.

5.1.6 Mempunyai sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman di bidang kepakaran berkenaan.

5.1.7 Perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti latihan dan pendidikan seperti "Continuous Medical Education" (CME) dan "Continuous Professional Development" (CPD) terutamanya kepada pegawai yang akan mengambil peperiksaan ijazah lanjutan.

5.2 Perkhidmatan ***hanya boleh dijalankan di hospital-hospital yang telah menyediakan perkhidmatan pakar*** dan terhenti kerana ketiadaan pakar sediaada (bertukar, bersara, letak jawatan dan sebagainya). Ini bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan.

- 5.3 Bagi hospital-hospital yang telah sedia mempunyai pakar kerajaan, pengambilan pakar swasta sebagai tambahan boleh dipertimbangkan sekiranya terdapat beban kerja yang tinggi atau sebab-sebab lain yang munasabah.
- 5.4 Tahap perkhidmatan (level of service) Pakar Swasta bagi setiap disiplin adalah seperti yang ditentukan oleh Ketua Jabatan hospital berkenaan.

6. Prosidur Perlantikan

- 6.1 Pakar Swasta yang ingin memberi perkhidmatan ini boleh memohon melalui hospital yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Permohonan hendaklah disertakan dengan salinan ijazah kepakaran, curriculum vitae, Sijil Akuan Tahunan dan sebagainya (**borang permohonan - Lampiran 1**).
- 6.2 Bagi pengambilan Pakar Swasta secara "honorarium" pula, Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Hospital/ Ketua Jabatan sesuatu disiplin boleh mencadangkan pengambilan tersebut ke Medical Advisory Committee (MAC) di peringkat hospital.
- 6.3 Permohonan-permohonan ini akan ditentukan keperluan dan "availability" sesuatu kepakaran oleh Medical Advisory Committee (MAC) di peringkat hospital.
- 6.4 Semua permohonan yang dipersetujui perlu dikemukakan ke Jawatankuasa Pengambilan Pakar Swasta Peringkat Negeri yang perlu ditubuhkan untuk kelulusan. Jawatankuasa ini terdiri dari;
- 6.4.1 Pengarah Kesihatan Negeri - Pengerusi
- 6.4.2 Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan)
- 6.4.3 Timbalan Pengarah Kesihatan negeri (Pengurusan)

- 6.4.4 Pengarah Hospital (yang berkenaan)
- 6.4.5 Ketua Jabatan Hospital Negeri (perkhidmatan yang akan diberikan)
- 6.4.6 Ketua Penolong Pengarah (Perubatan) - Setiausaha
- 6.5 Ulasan mengenai keperluan serta kemudahan yang diperlukan di hospital dan sebagainya perlu dibincang sebelum kelulusan diberikan.
- 6.6 Setelah diluluskan, kedua-dua pihak, Pengarah Kesihatan Negeri dan Pakar Swasta perlu menandatangani surat perjanjian bagi mengelakkan sebarang masalah "medico-legal".
- 6.7 Tempoh perlantikan adalah selama 2 tahun. Kedua-dua pihak boleh menamatkan perjanjian dengan memberi notis bertulis dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pemberhentian.

7. Tugas dan tanggungjawab Pakar Swasta

- 7.1 Memberi perkhidmatan di dalam bidang tugas seperti yang telah dipersetujui.
- 7.2 Menjalankan tugas mengikut jadual yang telah disediakan.
- 7.3 Boleh dipanggil jika ada kes-kes kecemasan pada dan selepas waktu pejabat.
- 7.4 Boleh menjalani tugas ganti jika sekiranya Pakar Kementerian Kesihatan Malaysia bercuti, bertugas di luar pejabat dan lain-lain.
- 7.5 Mematuhi semua peraturan-peraturan yang sedia ada di-hospital dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah Hospital /Ketua Jabatan / Pakar yang bertanggungjawab.

8. Tugas dan tanggungjawab Pengarah Hospital/ Ketua Jabatan/ Pakar Yang Bertanggungjawab

- 8.1 Menyediakan jadual tugas atau program untuk Pakar Swasta untuk dirunding sebelum memulakan tugas.
- 8.2 Mengawasi perkhidmatan Pakar Swasta dan memberi teguran secara bertulis dan sebagainya kepada Pakar Swasta yang tidak mematuhi peraturan.
- 8.3 Mengemukakan laporan penilaian (**borang - lampiran 2**) perkhidmatan Pakar Swasta kepada Jabatan Kesihatan Negeri setiap akhir tahun (12 bulan) perkhidmatan.

9. Tugas dan tanggungjawab Pengarah Kesihatan Negeri

- 9.1 Pengarah Kesihatan Negeri adalah bertanggungjawab mengawasi pelaksanaan surat perjanjian.
- 9.2 Memaklumkan pengambilan Pakar Swasta ke Bahagian Perkembangan Perubatan serta menghantar sesalinan surat perjanjian yang lengkap.
- 9.3 Mengemukakan laporan penilaian (**borang - lampiran 2**) perkhidmatan Pakar Swasta kepada Bahagian Perkembangan Perubatan setiap akhir tahun (12 bulan) perkhidmatan.

10. Pertanyaan

10.1 Segala pertanyaan mengenai garis panduan ini hendaklah dirujuk kepada:

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari, 50590 KUALA LUMPUR

11. Tarikh Pelaksanaan

11.1 Garis panduan ini berkuatkuasa serta merta.

*Unit Kerjaya Professional
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Februari 2001*

Lampiran 1

PS/A/01

**PERMOHONAN BAGI PENGAMBILAN PAKAR SWASTA
UNTUK BERKHIDMAT DI HOSPITAL - HOSPITAL KERAJAAN**

1. Nama penuh pemohon :
(Huruf besar)
2. Nombor Kad Pengenalan: 3. Warganegara:
4. Umur : 5. Jantina :
6. Alamat pos :
.....
.....
7. Nombor telefon : Pejabat : Rumah :
8. Maklumat mengenai Kelayakan Pasca Siswazah (Post Graduate) :-
(Sila kembalikan salinan yang telah disahkan)

Ijazah	Universiti	Tarikh

9. Nombor pendaftaran penuh :
10. Lesen Amalan Tahunan :
11. Pengalaman Bekerja (Kerajaan & Swasta) :

Tempat bekerja (Kerajaan)	Tempoh

Tempat bekerja (Swasta)	Tempoh

12. Adakah anda mempunyai sebarang latihan atau minat di dalam sebarang kepakaran juga sub kepakaran?

Jika ada, sila nyatakan :

.....

.....

.....

.....

13. Adakah anda setuju untuk melibatkan diri dalam sebarang bentuk program latihan?

Ya / Tidak

14. Nyatakan tempat (tempat-tempat) yang anda berminat untuk bekerja.

- (i)
- (ii)
- (iii)
- (iv)

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kesemua kenyataan yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan :

Tarikh :

**KRITERIA-KRITERIA PENGAMBILAN PAKAR DAN PEGAWAI PERUBATAN
WARGANEGARA MALAYSIA YANG INGIN BERKHIDMAT DI SEKTOR SWASTA**

1. Hanya Pakar dan Pegawai Perubatan yang memenuhi syarat berkaitan *umur*, syarat berkaitan dengan *pengalaman akademik* dan syarat berkaitan *kepakaran khusus* sahaja boleh dipertimbangkan untuk dibenarkan berkhidmat di sektor swasta.
2. Pakar dan Pegawai Perubatan mestilah mempunyai kelulusan kepakaran asas yang diiktiraf dan boleh didaftarkan dengan Majlis Perubatan Malaysia. Salinan ijazah yang disahkan perlu dikembalikan.
3. Bagi Pakar yang dipohon, perlu mempunyai kelulusan kepakaran perubatan yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Salinan ijazah yang disahkan perlu dikembalikan.
4. Pengalaman dalam bidang kepakaran perlu disokong dan disahkan oleh Pusat Perubatan (yang diiktiraf) berkenaan.
5. Pakar dan Pegawai Perubatan warganegara hanya dibenarkan berkhidmat di hospital swasta dan hanya terbuka kepada hospital-hospital swasta yang mempunyai 50 buah katil atau lebih (mengikut lesen yang dikeluarkan oleh KKM). Mereka tidak boleh berkhidmat di klinik-klinik persendirian / swasta.
6. Bagi kepakaran patologi, pemohon perlu mencatatkan bidang disiplin patologi yang dipohon (*subspecialty area*). Kelulusan dalam "*subspecialty*" seseorang Pakar yang dipohon adalah yang diiktiraf oleh Kementerian dan pengalaman Pakar dalam "*subspecialty*" tersebut adalah memuaskan.
7. Bagi Pakar Radiologi, pemohon perlu mengisi format "Butir-Butir Bagi Perkhidmatan Pengimejan" dengan lengkap.

Lampiran 2

PS/B/01

**BORANG PENILAIAN BAGI PAKAR SWASTA
YANG BERKHIDMAT DI HOSPITAL - HOSPITAL KERAJAAN**

1. ARAHAN

Penilaian ini perlu dilaksanakan secara berkala iaitu setiap akhir **12 bulan**. Borang yang lengkap perlulah dihantar ke Pejabat Pengarah Kesihatan Negeri dan seterusnya ke

Pengarah Perkembangan Perubatan
Bahagian Perkembangan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
(selepas komen dari Pengarah Kesihatan Negeri)

BAHAGIAN I

Untuk diisi oleh Pakar Swasta

NAMA PENUH :	
ALAMAT POS :	
ALAMAT RUMAH : NOMBOR TELEFON :	
JAWATAN :	
JABATAN :	
JANTINA :	WARGANEGARA :
UMUR :	SILA NYATAKAN SAMADA ANDA ADALAH PEMASTAUTIN TETAP MALAYSIA
TARIKH LAHIR : TEMPAT LAHIR :	
TARAF PERKAHWINAN :	NOMBOR KAD PENGENALAN :

TARIKH PERLANTIKAN :
(tarikh tandatangani surat perjanjian)

KELAYAKAN :

TARIKH DI WARTAKAN :

AHLI (MEMBERSHIP) SESEBUAH INSTITUSI ATAU PERSATUAN :

SEJARAH KERJA :
(boleh dinyatakan sebagai lampiran)

BAHAGIAN II

Untuk diisi oleh Ketua Jabatan

Penilaian ini adalah berdasarkan kepada skala 1 hingga 10.

Skala

9, 10
6, 7, 8
3, 4, 5
1, 2

Penilaian

Terbaik (Excellent)
Baik (Good)
Sederhana (Average)
Tidak Memuaskan (Not Satisfactory)

Laporan penilaian ini adalah dari tempoh.....

ke

Komen

- | | | | |
|--|--------------------------|-------|---|
| 1. Pengetahuan mengenai tugas-tugas klinikal | <input type="checkbox"/> | ----- | Untuk perkara 1-3 butir-butir terperinci diperlukan untuk menerangkan sesuatu keadaan |
| 2. Skil dan keupayaan menjalankan tugas-tugas klinikal | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 3. Kualiti kerja | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 4. Keupayaan menguruskan kes | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 5. Daya inovasi | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 6. Daya inisiatif | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 7. Keupayaan membuat keputusan | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 8. Hubungan "interpersonal" dengan pesakit dan saudara pesakit | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 9. Hubungan "interpersonal" dengan kakitangan | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 10. Tanggungjawab dan dedikasi kepada tugas | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 11. Kajian atau sebarang penerbitan jurnal/ laporan/ lain-lain | <input type="checkbox"/> | ----- | |
| 12. Penglibatan di dalam aktiviti CME dan CPD | <input type="checkbox"/> | ----- | |

13. Saranan : _____

14. Nama Pakar Penilai :

BAHAGIAN III

Laporan dari Pengarah Hospital (perlu disertakan)

BAHAGIAN IV

Komen dari Pengarah Kesihatan Negeri (perlu disertakan)